

# ‘Najib buka akaun tunggu derma dari Arab Saudi’

Pegawai  
penyiasat  
sahkan dana  
dari Bank Riyad

Oleh **Ahmad Johari Mohd Ali**  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi semalam diberitahu, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memberitahu pegawai penyiasat bahawa akaun peribadinya di Bank Amlslamic dibuka bagi tujuan menerima sumbangan dari Arab Saudi.

Peguam bela, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, berkata pendirian itu dinyatakan Najib berikutan akaun peribadi Bank Amlslamic miliknya yang berakhir dengan nombor 694, dibuka pada tahun 2011 selepas beliau mengadakan pertemuan dengan Raja Arab Saudi ketika itu, Almarhum Abdullah Abdul Aziz Al Saud.

Dalam prosiding pemeriksaan balas semalam, saksi ke-48 pendakwaan iaitu Pengarah Bahagian Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram (AMLA), Asisten Komisioner Foo Wei Min, berkata dalam siasatan kes bekas Ahli Parlimen Pekan itu memaklumkan beliau pada ketika kejadian menantikan sumbangan daripada Arab Saudi.

Pegawai penyiasat itu turut mengesahkan cadangan Muhammad Shafee bahawa akaun peribadi Bank Amlslamic berkenaan



*Najib hadir untuk perbicaraan kes dana 1MDB di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.*  
(Foto Fathil Asri/BH)

menerima dana dari Bank Riyad.

**Muhammad Shafee:** Arahan anak guam saya ialah beliau membuka akaun untuk menerima derma Arab Saudi dan itu pendiriannya dalam kes ini. Bukankah beliau memaklumkan kepada anda mengenainya.

**Wei Min:** Ya

**Muhammad Shafee:** Akaun dengan nombor berakhiran 694 yang dibuka untuk menerima wang sumbangan itu memang sebenarnya datang daripada Bank Riyad?

**Wei Min:** Ya

Saksi itu yang mengesahkan beberapa transaksi adalah daripada Putera Faisal Turki Al Saud dan Kementerian Kewangan Riyadh, bagaimanapun berkata, pi-

hak berkuasa tidak mendapatkan penyata bank daripada Arab Saudi sebagai sebahagian daripada siasatan mereka.

Ketika disoal sama ada mengetahui sumber wang dipindahkan oleh Putera Faisal dan Kementerian Kewangan Riyadh ke akaun Najib, saksi itu menjawab, “Ia berasal daripada wang 1Malaysia Development Berhad (1MDB).”

Sementara itu, Wei Min tidak bersetuju dengan cadangan peguam bela bahawa ada kelompangan dalam siasatannya kerana pihak berkuasa tidak mendapatkan penyata bank daripada kedua-dua pihak terbabit.

Saksi itu kemudian disoal sama ada beliau menjalankan siasatan penyata akaun bank tiga dana syarikat iaitu Cistenique Inv (Cistenique), Enterprise Emerging Markets Fund (EEMF) dan Devonshire Capital Growth Fund (Devonshire), yang dikatakan memindahkan AS\$1.59 bilion yang

berasal daripada perolehan bon oleh 1MDB Global Investment Limited (1MDB GIL) kepada Tanore Finance Corp.

Tanore ialah syarikat pelaburan yang dimiliki Tan Kim Loong iaitu dikatakan sekutu kepada ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low.

Menjawab persoalan itu, Wei Min berkata, beliau hanya melihat sekilas dokumen berkaitan dana itu yang diberikan pegawai penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

**Muhammad Shafee: Adakah ini bermakna anda tidak menganalisis dokumen berkenaan?**

**Wei Min:** Perspektif saya dalam siasatan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram hanya tertumpu kepada terdapat wang masuk ke dalam Tanore daripada ketiga-tiga dana ini.

**Muhammad Shafee: Adakah anda bertemu sesiapa daripada ketiga-tiga dana ini untuk mengesahkan siasatan anda?**

**Wei Min:** Saya tidak pernah merekodkan sebarang kenyataan daripada sesiapa daripada ketiga-tiga dana ini.

Saksi itu memberikan keterangan terhadap Najib, 70, yang menghadapi empat pertuduhan menggunakan kedudukannya mendapatkan suapan berjumlah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung hari ini.